

## PEKELILING

---

### PINDAAN WAKTU BEKERJA UNTUK KAKITANGAN UniMAP SEPANJANG BULAN RAMADHAN 1438 HIJRAH

---

(Telah diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Kali Ke-87  
(Bil. 3/2013) pada 19 Julai 2013)

#### 1.0 TUJUAN

Pekeliling ini diadakan bertujuan untuk memaklumkan pindaan waktu bekerja sepanjang bulan Ramadhan **1438** Hijrah kepada kakitangan UniMAP.

#### 2.0 LATAR BELAKANG

Pekeliling ini bertujuan untuk meminda waktu bekerja sepanjang bulan Ramadhan setiap tahun bagi tujuan memberi peluang kepada semua kakitangan UniMAP membuat persediaan untuk berbuka puasa di sepanjang bulan Ramadhan **1438** Hijrah.

#### 3.0 PELAKSANAAN

Pindaan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut :

- 3.1 Pindaan waktu bekerja ini adalah hanya untuk bulan Ramadhan **1438** Hijrah sahaja.
- 3.2 Waktu bekerja yang dipinda ini hendaklah tidak menjejaskan jumlah waktu bekerja iaitu **40 jam** seminggu seperti yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.
- 3.3 Mana-mana Ketua Jabatan adalah dibenarkan untuk mengarahkan kakitangan masing-masing untuk bertugas selepas waktu bekerja yang dipinda ini sekiranya terdapat keperluan mendesak.

3.4 **Ketua Jabatan** haruslah memastikan semua staf di Jabatan/PTj masing- masing **mematuhi** dan **menepati waktu bekerja** sempena bulan Ramadhan **1438** Hijrah ini.

3.5 **Pegawai Pentadbiran** haruslah **memantau** kedatangan staf di jabatan masing-masing agar operasi dan pengurusan berjalan dengan lancar dan tidak menjejaskan mutu perkhidmatan dalam tempoh pindaan waktu bekerja sempena bulan Ramadhan **1438** Hijrah ini.

3.6 Jadual pindaan waktu bekerja adalah seperti berikut :

Hari	Waktu Bekerja	Waktu Rehat	Waktu Bekerja
Isnin - Khamis	8.00 pg – 1.15tgh	1.15 tgh – 2.00 ptg	2.00 ptg – 4.45 ptg
Jumaat	8.00 pg -12.15 tgh	12.15 tgh -2.30 ptg	2.30 ptg – 4.45 ptg

#### 4.0 TARIKH KUATKUASA

Pekeliling ini adalah berkuatkuasa mulai dari **1 Ramadhan 1438 Hijrah** sehingga hari terakhir bulan **Ramadhan 1438** Hijrah.

#### 5.0 PEMAKAIAN

Pekeliling ini dipanjangkan pemakaiannya kepada semua kakitangan UniMAP.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**‘Tunjang Mengukuh Di Bumi, Pucuk Menjulang Tinggi’**



**(ZUBER HJ MOHAMAD)**  
Pendaftar

**Jabatan Pendaftar**  
**Universiti Malaysia Perlis**  
**23 Mei 2017**